

Tahun Melawat UMS 2016/2017 mulai April

BH 31 MAC 2016 6

Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi pengurusan EcoCampus, bakal melancarkan Tahun Melawat UMS 2016/2017 bermula April ini.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, berkata pelancaran itu bakal diadakan serentak dengan perasmian Pusat Informasi Pelawat EcoCampus (EVIC) bersama pakej Eko Pelancongan UMS.

Tarikan pelancongan

“Ini menjadikan UMS universiti pertama yang melancarkan inisiatif seumpama ini di Malaysia dan di rantau ini.

“Bertempat di Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), EVIC akan menjadi ruang maklumat tarikan pelancong dan pakej pelancongan di UMS,” katanya pada Majlis

Amanat Naib Canselor UMS, di sini, semalam.

Mohd Harun berkata, antara komponen penting pusat itu ialah sebagai pusat galeri dan penerangan, pembelian tiket berpusat dan pakej pelancongan serta kedai cenderamata.

“Selain landskap unik, bagi menjadikan kawasan EVIC lebih menarik ia juga akan diluaskan merangkumi tasik FS-SA yang dimajukan sebagai Taman EcoCampus. Ia pasti akan turut menjadi tarikan utama pelancong,” katanya.

Terletak di pesisir pantai, kedudukan strategik UMS dengan lingkungan kampus berlatar belakangkan kehijauan serta memiliki akuarium dan muzium marin yang mengumpul koleksi kehidupan laut, menjadi antara tarikan pengunjung.



Mohd Harun (tiga dari kiri) berikrar pada **Majlis Amanat Naib Canselor UMS** di Kota Kinabalu, semalam. [FOTO IZHARI ARIFFIN/BH]

Sementara itu, katanya, UMS akan terus berusaha mencapai tahap membanggakan dalam pelbagai aspek, walaupun berdepan keadaan ekonomi dunia yang semakin mencabar.

“Ia membawa kepada pengurangan geran mengurus daripada kerajaan, namun kita tidak boleh beranggapan momentum pencapaian patut dikurangkan.

“Dalam hal ini, kita harus membuktikan apa juga kea-

daan sekalipun, komitmen dan kesungguhan untuk meletakkan universiti ini ke tahap membanggakan seharusnya tersemat rapi dalam diri semua warga UMS,” katanya.

Beliau berkata, antara kejayaan membanggakan UMS ialah apabila mencipta sejarah sebagai satu-satunya universiti di Borneo diiktiraf oleh QS World University Rankings - By Subject bagi subjek Pertanian dan Perhutanan pada tahun ini.